

07/11/2000

PM berhak ikuti sidang Parlimen melalui litar tertutup

PERDANA Menteri sebagai ketua majlis mesyuarat kerajaan berhak mengikuti perjalanan persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara menerusi kamera litar tertutup (CCTV), kata yang DiPertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail.

Sehubungan itu, katanya, tidak timbul soal Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengintip perjalanan persidangan Parlimen seperti didakwa pembangkang.

"Tidak ada (pengintipan). Dia berhak melihat prestasi (Ahli Parlimen kerajaan) dan perjalanan Parlimen. Sebagai Perdana Menteri dan ketua majlis (kerajaan) itu juga tugasnya, bukanlah soal mengintip.

"Tidak boleh diterima langsung perkataan mengintip kerana itu tugasnya untuk lihat prestasi (ahli parlimen kerajaan) dan apa yang dibincangkan serta perjalanan sesuatu rang undang-undang atau usul.

"Kalau sekiranya kita tidak beri atau kata itu bukan kuasanya, itu tidak boleh," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Beliau mengulas kekecohan apabila Tan Kok Wai (DAP-Cheras) mendakwa Perdana Menteri mengintip persidangan Dewan Rakyat dari pejabatnya di Putrajaya dan mahu Mohamed Zahir mengarahkan kamera litar tertutup itu ditanggalkan.

Tan yang juga anggota Jawatankuasa Parlimen ketika membangkitkan perkara itu mengikut Peraturan Mesyuarat 93 berkata, pemasangan kamera tidak wajar kerana ia dilakukan tanpa pengetahuan Ahli Parlimen.

Bagaimanapun, Mohamed Zahir, yang mempengerusikan mesyuarat pada masa itu, membuat keputusan menolak permintaan Tan kerana beliau sebagai Yang DiPertua Dewan Rakyat mempunyai kuasa mengarahkan kamera itu dipasang.

Tan yang terus berdegil, mendesak supaya kamera itu ditanggalkan serta merta sehingga memaksa Mohamed Zahir memberi amaran kepada wakil DAP itu supaya tidak mempertikaikan keputusan yang sudah dibuat.

Ditanya pemberita, Mohamed Zahir berkata, soal pengurusan Parlimen terletak dalam bidang kuasanya dan beliau tidak perlu memaklumkan kepada Ahli Parlimen.

(END)